

## **Memperkenalkan pembahagian sama rata melalui penggunaan permainan, buku nombor dan lembaran kerja untuk kanak-kanak prasekolah**

### **ABSTRAK**

Menurut Baroody dan Hume (1991), cara terbaik untuk belajar konsep pecahan adalah melalui masalah pembahagian sama rata. Sebenarnya, kanak-kanak sedari kecil lagi sudah boleh memahami konsep pembahagian sama rata. Disebabkan kurangnya usaha yang memfokuskan kepada bagaimana pecahan seharusnya diperkenalkan untuk membantu pembelajaran awal, artikel ini memfokuskan kepada memperkenalkan konsep pembahagian sama rata melalui penggunaan permainan, buku nombor dan lembaran kerja. Aktiviti-aktiviti ini telah dilaksanakan kepada kanak-kanak dan mereka melibatkan diri dengan aktif semasa aktiviti dijalankan.